

SOFBAL KVDLM JUARA 4 KALI

Ditulis oleh Administrator

Khamis, 17 April 2014 09:09 - Terakhir Dikemaskini Khamis, 17 April 2014 09:25



KVDLM 7 April 2014 - Pasukan Sofbal Perempuan Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja (KVDLM) muncul sebagai juara empat tahun berturut-turut dalam Pertandingan Sofbal Voktek Zon Negeri Sembilan Melaka yang berlangsung di padang KVDLM di sini petang semalam.

Pasukan softball KVDLM membaham pasukan softball dari Kolej Vokasional Kuala Klawang dengan skor 13-1 yang pernah bertembung di peringkat pusingan awal dengan KVDLM tewas. Namun dalam peringkat akhir, pasukan KVDLM berjaya membalas dendam dan memperlihatkan strategi yang sangat berkesan. Sebanyak 7 pasukan bertanding dalam kejohanan Voktek ZON Negeri Sembilan Melaka pada kali ini yang dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan A terdiri daripada KV Dato' Lela Maharaja, KV Kuala Klawang, dan KV Port Dickson.

Manakala pasukan B diwakili oleh SMT Tuanku Jaafar, SMT. Bukit Katil, KV. Melaka Tengah dan KV Jasin. Naib juara dimenangi oleh Kolej Vokasional Kuala Klawang, tempat ke tiga SMT Tuanku Jaafar dan tempat ke empat KV Melaka Tengah. Hadiah telah disampaikan oleh Pengarah KV Dato' Lela Maharaja, Mohd Joned Musa dalam satu majlis yang penuh meriah.

Menurut jurulatih KV Dato' Lela Maharaja, Azizol Aziz berasa bersyukur kerana hasil latihan yang berterusan pemain dapat mengekalkan kejayaan empat tahun berturut-turut. Lebih bermakna peringkat kebangsaan akan berlangsung di Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja pada 3 hingga 7 Jun akan datang. Oleh itu persiapan lebih rapi dan perancangan lebih mantap perlu bermula dari sekarang kerana pertandingan peringkat kebangsaan lebih mencabar dan sengit katanya yang ditemui di sini. "Tahniah dan syabas diucapkan kepada rakan setugas Azzri Kimun, Sharifah Amirah dan para pemain" katanya.

SOFBAL KVDLM JUARA 4 KALI

Ditulis oleh Administrator

Khamis, 17 April 2014 09:09 - Terakhir Dikemaskini Khamis, 17 April 2014 09:25
